

NGO macam perhimpunan Bersih 3.0 cetus huru hara

Sinar 30/4/12 ms 22.

KLANG SELATAN - Empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengecam keras perhimpunan Bersih 3.0 yang diadakan kelmarin yang telah menimbulkan suasana huru-hara di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Wakil NGO yang juga Presiden Persatuan Penggerak Usahawan Melayu Klang (Kagum), Datuk Baharuddin Naaiman berkata, perhimpunan itu turut menjejaskan aktiviti pemandu teksi dan seluruh warga bandaraya termasuk memberi pandangan negatif kepada pelancong asing.

Perhimpunan itu juga, menurutnya, adalah angkara pi-

hak tertentu yang dilihat cuba membangkitkan sentimen kebencian kepada kerajaan yang sedia ada.

"Jelas sekali rakyat di negara ini sebenarnya cintakan keamanan dan jauh sekali ingin melihat suasana huru-hara dan kekacauan menghantui mereka.

"Justeru itu, pihak berkuasa harus bertindak tegas dalam isu ini agar pihak berkenaan tidak sesuka hati mempergunakan orang awam bagi mencapai cita-cita mereka," katanya kepada *Sinar Harian* selepas membuat laporan Polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan, di sini.

Terlibat sama membuat laporan Polis adalah KAGUM, Kelab Belia Integrasi Klang, Baitul Rahmah dan Persatuan India Pelabuhan Klang.

Dalam pada itu, Baharuddin turut melabelkan Ambiga sebagai individu yang berbahaya kerana sanggup mengajak orang awam berarak atau berdemonstrasi yang mana langkah berkenaan adalah bukan budaya rakyat negara ini.

"Kami yakin Ambiga mempunyai niat tersirat yang jelas sekali berhasrat untuk menghuru-harakan negara serta menimbulkan rasa tidak aman di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini," katanya.



Baharuddin (tujuh kiri) bersama hampir 50 orang mewakili empat NGO membantah keras Perhimpunan Bersih 3.0 yang diadakan kelmarin yang menghuru-harakan negara.